



MANUAL KHUTBAH JUMAAT



TAJUK ;
IKHLAS SYARAT
KE SYURGA



ISLAMIC SALVAGEUR OBEYDENCE

Unit Khutbah
Bahagian Pengurusan Masjid
Jabatan Agama Islam Selangor





"IKHLAS SYARAT KE SYURGA".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ^ص وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا وَمَا رَبُّكَ بِظَلَمٍ لِلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آئِلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ! أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَارَزَ الْمُتَّقُونَ.</p>	4
<p>قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٠٢﴾</p>	
<p>Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,</p> <p>Marilah kita sama-sama meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan hamba Allah yang mendapat keredaan Allah-Nya di dunia dan akhirat.</p>	5
<p>Sama-sama kita menghayati khutbah hari ini yang bertajuk "IKHLAS SYARAT KE SYURGA". Hadirin sekalian,</p>	6



Kita sedar bahawa setiap pentadbiran dan pengurusan yang berkualiti dan cemerlang akan memerlukan kepada peraturan dan etika kerja yang khusus kerana tanpanya sudah tentunya warga kerja yang menjalankan tugas dalam pentadbiran sesebuah organisasi akan bertindak sesuka hati tanpa mengikut peraturan dan undang-undang sehingga boleh menyebabkan berlakunya pengkhianatan, pecah amanah, penyelewengan, salah guna kuasa dan lain-lain lagi.

7

Firman Allah SWT dalam surah Al-Anfaal ayat 27:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ
وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٢٧﴾

8

"Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)."

9

Justeru, setiap orang tidak kira mereka yang memegang jawatan dalam perkhidmatan awam mahupun mereka yang bekerja dengan pihak swasta atau persendirian hendaklah mematuhi peraturan dan mengamalkan etika kerja yang murni. Antara etika kerja yang penting bagi setiap warga kerja ialah bersifat ikhlas dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan. Sesungguhnya orang yang ikhlas bekerja kerana Allah SWT akan menerima tanggungjawab dengan penuh keredaan dan akan sentiasa berusaha bersungguh-sungguh bagi menyelesaikan setiap kerja dengan hasil yang terbaik.

10



Firman Allah SWT dalam surah al-Taubah ayat 105:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ ۗ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ فَيُنبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

11

"Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan Rasul-Nya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan."

12

Muslimin yang dirahmati Allah sekalian,

Orang yang ikhlas adalah orang yang bijaksana. Mereka bijak menggunakan masa dan waktu kerja secara produktif dan berkesan, tidak melengah-lengahkan kerja yang diberikan dan tidak melakukan kerjanya secara sambil lewa atau asal siap sahaja, bahkan mereka juga tidak akan mengambil kesempatan membazirkan masa kerja dengan banyak berbual kosong, ponteng kerja, datang lewat tetapi cepat hendak pulang dan sebagainya.

13

Sebenarnya pekerjaan yang dilakukan itu juga merupakan suatu ibadat dengan syarat ianya dilakukan dengan niat yang ikhlas, kerana kerja yang dilakukan tanpa keihlasan hanyalah sia-sia dan tidak akan mendapat ganjaran pahala daripada Allah SWT.

14



Perkara ini telah dijelaskan dalam sebuah hadis daripada Abu Umamah Al-Bahili Radiallahu'anhu katanya Rasulullah SAW bersabda:

15

إِنَّ اللَّهَ لَا يَقْبَلُ مِنَ الْعَمَلِ إِلَّا مَا كَانَ لَهُ خَالِصًا وَابْتِغَىٰ بِهِ وَجْهَهُ

"Sesungguhnya Allah tidak menerima suatu amalan melainkan dilakukan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT sahaja."

16

(Riwayat Al-Nasa'i).

Orang yang ikhlas dalam pekerjaannya tidak akan berkira dalam melaksanakan tugas dan tidak mengharapkan pujian atau ganjaran duniawi semata-mata. Orang yang ikhlas juga akan bersikap terbuka, suka membantu rakan sekerja bahkan mereka akan bersifat jujur dan amanah dalam pekerjaan mereka. Sifat jujur dan amanah itu sangat penting kerana sifat tersebut akan dapat memelihara diri seseorang itu daripada berbuat khianat, pilih kasih, hasad dengki, zalim, melakukan rasuah, penipuan dan penyelewengan dalam pekerjaan, menyalahgunakan kuasa dan kedudukan bagi kepentingan peribadi dan sebagainya.

17

Keikhlasan dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan dan dipertanggungjawabkan dapat melahirkan sifat mahmudah. Sentiasa sabar, tabah, berbudi bahasa, mempunyai daya ketahanan hati atau perasaan dalam menghadapi sebarang tekanan, desakan sekeliling atau ketika menerima sebarang kesulitan. Dalam keadaan seperti ini, mereka tidak akan terburu-buru membuat sesuatu keputusan, tidak mudah berputus asa apatah lagi menggunakan bahasa kesat dan tingkah laku yang tidak senonoh, sebaliknya mereka akan sentiasa tenang menghadapi masalah, bersikap terbuka apabila menerima kritikan, tidak cepat marah malahan sentiasa pemaaf dan berhemah tinggi, bahkan mengharapkan keredaan Allah SWT. Maka sudah tentulah golongan yang melakukan segala-galanya dengan ikhlas dan mengharapkan keredaan Allah sahajalah yang akan dimasukkan ke dalam syurga kelak.

18



<p>Semua negara di dunia ini menginginkan agar sistem perkhidmatan awamnya berfungsi dengan sempurna dan lancar, bahkan mengharapkan setiap warga kerjanya menghasilkan kesempurnaan dan kecemerlangan dalam tugas masing-masing. Apabila wawasan ini terlaksana, insya-Allah hasrat menjadikan sebuah negara yang berkemampuan tinggi dalam semua aspek perkhidmatan dan mampu menjana kehidupan rakyatnya yang makmur, sejahtera dan harmoni akan tercapai.</p>	19
<p>Marilah kita sama-sama berdoa semoga warga kerja perkhidmatan awam dapat meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan dengan lebih baik dan efisien untuk meningkatkan lagi kualiti kerja ke arah kecemerlangan duniawi dan ukhrawi. Mudah-mudahan semua warga kerja perkhidmatan awam dan seluruh rakyat serta penduduk negara ini mendapat taufik, hidayah dan keredaan Allah SWT. Amin Yarrabal Alamin.</p> <p>Hadirin yang dirahmati sekalian,</p>	20
<p>Firman Allah SWT dalam surah Hud ayat 108:</p> <p style="text-align: center;">﴿وَأَمَّا الَّذِينَ سَعِدُوا فَمِنَ الْجَنَّةِ خَالِدِينَ فِيهَا...﴾</p> <p><i>“Adapun orang-orang yang berbahagia (disebabkan imannya dan taatnya), maka di dalam Syurgalah tempatnya. Mereka kekal di dalamnya...”</i></p>	21



Mengakhiri khutbah ini, marilah kita bersama-sama menerapkan beberapa perinsip berikut bagi mencapai hasrat ini;

1. Majikan hendaklah sentiasa mengingatkan kakitangan supaya membetulkan niat untuk bekerja dengan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT.
2. Umat Islam hendaklah mendidik diri sendiri supaya mengikhhlaskan diri apabila memulakan sesuatu pekerjaan.
3. Para pendidik, ibu bapa, masyarakat sekeliling hendaklah memainkan peranan dalam membimbing generasi agar yang memelihara keikhlasan hati apabila melakukan setiap pekerjaan dan perbuatan yang diamanahkan.

22

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ثُمَّ إِلَىٰ رَبِّكُمْ
تُرْجَعُونَ ﴿١٥﴾

23

"(Tiap-tiap balasan berdasarkan kaedah): Sesiapa yang mengerjakan amal soleh, maka faedahnya akan terpulang kepada dirinya sendiri; dan sesiapa yang berbuat kejahatan, maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; kemudian kamu akan dikembalikan kepada Tuhan kamu."

24

(Surah al-Jathiah : 15).



KHUTBAH KEDUA

1	الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
2	وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
3	أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
4	Marilah sama-sama kita bertakwa kepada Allah SWT dengan melakukan ketaatan kepada-Nya dan menjauhkan diri daripada perbuatan keji dan maksiat.
5	قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾
6	اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
7	اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.
8	اللَّهُمَّ اعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ.



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَتَحْفَظَ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ،</p>	9
<p>جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.</p>	10
<p>اللَّهُمَّ أَدِّمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنكَ، لَوْلِي عَهْدِ سَلَاطُورِ، تَغْكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرْفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،</p>	11
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	12
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini.</p>	13
<p>Ya Allah, jadikanlah kami ini hamba-hamba-Mu yang sentiasa meninggikan kalimah dan Agama-Mu. Hindarilah kami dari kelompok dan golongan yang suka mencela, mencaci dan menghina Agama-Mu</p>	14



<p>Ya Allah! Kurniakanlah kepada kami rezeki yang halal lagi diberkati, jauhilah kami daripada perbuatan rasuah dan salah guna kuasa kerana ini adalah suatu pengkhianatan kepada amanah yang diberikan.</p>	15
<p>Ya Allah, kurniakanlah petunjuk kepada kami untuk mendirikan solat fardu lima waktu secara berjemaah, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan menginfakkan harta pada Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI) dan kepada anak-anak yatim melalui Yayasan Islam Darul Ehsan (YIDE).</p>	16
<p>اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اِدْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.</p>	17
<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢١﴾.</p>	18
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾</p>	19
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	20